

Berita gembira guru 16 Mei

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR

MUAR 13 Mei - Kementerian Pelajaran berharap Hari Guru yang disambut Rabu ini bakal membawa perubahan baru terhadap institusi, peranan, tugas serta tanggungjawab golongan pendidik dalam membentuk generasi pelajar terbaik di negara ini.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, kementerianya berharap kerajaan akan mengumumkan insentif baru untuk semua warga pendidik di negara ini bagi meningkatkan minat mereka mendidik anak bangsa supaya terus berjaya.

Menurut beliau, kementerianya ingin melihat kebajikan guru di negara ini terpelihara selain mendapat pengiktirafan sepatutnya daripada kerajaan supaya warga pendidik dapat memberi tumpuan terhadap tugas utama mereka.

"Bersempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang akan disambut di Johor pada 16 Mei ini, mungkin Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) akan umumkan beberapa perkara kepada warga guru.

"Cuma apa yang kementerian harapkan ialah biarlah ia menyentuh tentang kebajikan guru kita. Ini kerana soal kebajikan itu penting bagi mereka (guru) untuk mendapat keselesaan

yang cukup supaya dapat memberi tumpuan kepada tugas utama iaitu mengajar," katanya.

Hishammuddin berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Pengkisahan Perjuangan Datuk Onn Jaafar sempena sambutan kemerdekaan 50 tahun anjuran UMNO Johor di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim di sini hari ini.

Baru-baru ini, Kementerian Pelajaran mengumumkan ia sedang menimbang-cadangan mewujudkan skim khas kenaikan pangkat bagi pengetua dan guru besar yang mencapai kedudukan setaraf pengarah pelajaran negeri.

Kira-kira 7,000 guru besar di seluruh negara berpeluang menikmati kenaikan gred dan gaji baru setelah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan jawatan guru besar cemerlang.

Kementerian Pelajaran turut mengumumkan syarat dan prosedur mengisi 7,987 jawatan tambahan pengetua dan guru cemerlang dipermudahkan termasuk membolehkan permohonan terus dibuat kepada Kementerian Pelajaran.

Melalui syarat baru itu, seseorang guru boleh memohon untuk mengisi jawatan tersebut tanpa perlu membuat permohonan melalui sekolah, Jabatan Pelajaran daerah ataupun negeri.

Beberapa bulan lalu, Perdana Menteri mengumumkan Program Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar bagi membela nasib 143,000

guru melalui insentif khas guru pedalaman mengikut lokasi dan kesukaran perkhidmatan.

Menurut Hishammuddin, apa yang perlu diberi tumpuan oleh guru-guru adalah bagaimana memperbaiki sistem pembelajaran dan pengajaran serta usaha memenuhi tanggungjawab mereka sebagai pendidik.


"Jika sebelum ini guru sering diselubungi pelbagai isu, kini kita harapkan fokus utama warga pendidik tidak lari daripada menjadi tenaga pengajar yang berkesan," jelas beliau.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Program pengkisahan sejarah perjuangan Allahyarham Datuk Onn Jaafar yang menyatukan orang Melayu menentang penubuhan Malayan Union akan diperluas ke sekolah di seluruh negara.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO menambah, banyak perkara positif dalam sejarah perjuangan Datuk Onn boleh diterapkan di peringkat awal kerana generasi muda sekarang tidak melalui pengorbanan yang dilakukannya.

Hishammuddin yang merupakan cucu Datuk Onn berkata, antara semangat perjuangan Allahyarham ialah keberanian memperjuangkan hak dan kedudukan orang Melayu bersandarkan kepada kebijaksanaan, keikhlasan, kejujuran dan prinsip.

um - 14/5/2007



HISHAMMUDDIN
TUN HUSSEIN